



PENGERUSI JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
MERANGKAP AHLI PARLIMEN MASJID TANAH
PEJABAT SEKRETARIAT
JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

Tel : 03-2601 7263 / 2698 6852
Faks : 03-2698 9218
Email : pacparlimen@parlimen.n
Laman Web : <http://www.parlimen.gov>

4 MAC 2025

**KENYATAAN MEDIA YB PENERUSI PAC BERHUBUNG
PEMBENTANGAN PENYATA TINDAKAN SUSULAN
LEMBAGA TABUNG ANGKATAN TENTERA**

1. Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) hari ini membentangkan Penyata PAC berhubung Tindakan Susulan Bagi Syor-syor Penyata PAC Parlimen Berhubung Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) di bawah Kementerian Pertahanan (MINDEF) dan LTAT.
2. Penyata ini adalah bagi memaklumkan tindakan susulan yang diambil MINDEF dan LTAT terhadap syor-syor PAC dalam Penyata PAC berhubung LTAT (DR.41/2024) yang telah dibentangkan di Parlimen pada 19 November 2024, seperti yang dinyatakan dalam Arahan Perbendaharaan 304 (b) Tahun 2023.
3. Satu Prosiding Tindakan Susulan Pegawai Pengawal diadakan pada 22 Januari 2025 bagi mendapatkan penjelasan dan keterangan MINDEF dan LTAT berhubung syor-syor PAC terhadap LTAT dengan memanggil saksi-saksi seperti berikut:
 - i. YBhg. Datuk Dr. Shahrizat binti Haji Ahmad, Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Pelaburan), Kementerian Kewangan Malaysia (MOF);
 - ii. YBhg. Datuk Lokman Hakim bin Ali, Ketua Setiausaha MINDEF; dan

iii. YBrs. Tn. Mohammad Ashraf bin Md. Radzi, Ketua Eksekutif, LTAT.

4. PAC turut memberikan ulasan terhadap setiap maklum balas yang dikemukakan MINDEF dan LTAT terhadap syor-syor PAC. Ulasan Jawatankuasa ini terhadap maklum balas berkenaan dinyatakan dalam penyata ini.
5. Berhubung syor PAC terhadap penambahbaikan terhadap polisi dividen serta panduan rizab dan Rangka Kerja Perumpukan Aset Strategik [*Strategic Assets Allocation* (SAA)] oleh LTAT, PAC mengambil maklum inisiatif penambahbaikan yang telah diambil.
6. Namun, PAC sekali lagi menegaskan LTAT untuk terus menambahbaik rangka kerja berkaitan supaya LTAT dapat terus membayar dividen secara konsisten di samping memastikan kelestarian LTAT.
7. Selain itu, PAC turut dimaklumkan bahawa LTAT kini sedang menilai semula Rangka Kerja SAA sedia ada dengan memberi tumpuan kepada pengurusan risiko melalui kepelbagaian pelaburan merentas kelas aset, selaras dengan syor PAC kepada LTAT untuk mempelbagaikan komposisi portfolio pelaburan dan tidak bergantung kepada satu entiti.
8. Walau bagaimanapun, usaha untuk mempelbagaikan komposisi portfolio pelaburan harus diteruskan memandangkan sebahagian besar portfolio pelaburan LTAT masih tertumpu di dalam Kumpulan Boustead.
9. Selanjutnya, PAC mengambil maklum terhadap status Pelan Penstrukturan Kumpulan Boustead (*Project Earth*) yang telah dimaklumkan kepada Jemaah Menteri dan dibentangkan kepada Menteri Pertahanan, Menteri Kewangan II dan Pengarah Kanan

Ekonomi dan Kewangan, Pejabat Perdana Menteri. Namun, PAC masih lagi belum menerima pelan penstrukturan yang berkaitan dan menunggu pihak LTAT untuk mengemukakan dokumen berkaitan setelah ia dimuktamadkan.

10. Orang ramai yang berminat untuk membaca dan meneliti setiap tindakan susulan MINDEF dan LTAT serta ulasan PAC boleh memuat turun (*download*) penyata berkenaan di laman web PAC di alamat www.parlimen.gov.my/pac.

Sekian, terima kasih.

YB Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin